



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN
Aras 4-6 , Blok C1 , Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA
Tel. : 03-88853000
Fax : 03-88892176
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Fail: JPA (L)175/21/6-23 Klt.3

Tarikh : 23 April 2008

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan
Pihak Berkuasa Tempatan.

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan,

PENCALONAN UNTUK KURSUS SIJIL KOMUNIKASI SESI 2008/2009

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan kepada perkara di atas dan mempelawa Kementerian/ Jabatan/ Agensi Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan untuk mencalonkan pegawai-pegawai Kumpulan Sokongan yang layak bagi mengikuti pengajian Sijil Komunikasi bagi sesi akademik 2008/2009.

2. Kursus ini merupakan program latihan dalam perkhidmatan yang dikendalikan secara sepenuh masa oleh Universiti Kebangsaan Malaysia. Kursus ini akan bermula pada 7 Julai 2008 dan memakan masa selama 12 bulan. Kursus ini disasarkan untuk pegawai Kumpulan Sokongan yang mempunyai bidang tugas yang berkaitan secara langsung dalam **bidang komunikasi dan media**.

3. **Syarat-Syarat Kelayakan**

Pegawai yang ingin memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya di peringkat SPM/MCE/SPM(V);
- (ii) Mempunyai kelulusan kepujian dalam 5 mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat SPM/MCE/SPM(V);
- (iii) Telah berkhidmat dalam jawatan sekurang-kurangnya 5 tahun pada 1 Januari 2008;
- (iv) Menjalankan tugas secara langsung dalam bidang komunikasi dan media;
- (v) Telah disahkan dalam jawatan sekarang pada 30 Mei 2008;
- (vi) Berumur tidak melebihi 40 tahun pada 30 Mei 2008;
- (vii) Mencapai Laporan Nilai Prestasi Tahunan purata 85% markah ke atas bagi tempoh 3 tahun genap terkini berturut-turut (penilaian genap 12 bulan);
- (viii) Bersih daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada dakwaan mahkamah; dan
- (ix) Telah mengisytiharkan harta.

4. **Kemudahan-Kemudahan**

Calon-calon yang berjaya dipilih akan ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan dan diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh sepanjang tempoh pengajian.

5. **Ikatan Perjanjian Dengan Kerajaan**

Calon-calon yang berjaya dipilih dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan.

6. **Tarikh Tutup Permohonan**

Borang permohonan yang telah disempurnakan hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam **tidak lewat daripada 30 Mei 2008.**

7. Cara Memohon

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang **JPA(L)LDP 1A/96** (dilengkapkan oleh Jabatan) dan **JPA(L)LDP 1B/96 [Pin. 1/2003]** (dilengkapkan oleh pegawai). Borang permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan bersama dokumen –dokumen berikut:

- (i) **Salinan sijil SPM/MCE/SPM(V)/STPM;**
- (ii) **Laporan Nilai Prestasi Tahunan untuk tiga (3) tahun berturut-turut;**
- (iii) **Salinan Kenyataan Perkhidmatan; dan**
- (iv) **Senarai tugas.**

Hanya calon-calon yang mengemukakan permohonan yang lengkap dan memenuhi kelayakan akan disenaraipendekkan.

8. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
(Unit Latihan Dalam Perkhidmatan)
Aras 5, Blok C1, Parcel C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA.
(u.p: Puan Asfadilnor Bt Mohd Noor)

Telefon : 03-88853468
Fax : 03-88892171

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(SARAYA ARBI)

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA